

27/03/2002

Malaysia sediakan mekanisme dinar emas

Misiah Taib; Nor Liza Ahmad

KUALA LUMPUR, Selasa - Malaysia sudah menyediakan mekanisme berhubung cadangannya supaya dinar emas dijadikan mata wang bagi perdagangan antarabangsa, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, mekanisme itu memastikan sebarang masalah daripada penggunaan dinar emas boleh diselesaikan, manakala risiko spekulasi juga dapat dikurangkan kepada hampir tiada.

Pada masa sama, perdagangan dunia dapat diperluaskan kerana kos perniagaan boleh dikurangkan berikutan tidak ada lagi keperluan untuk melindungi nilainya secara praktikal.

Beliau bagaimanapun menegaskan, cadangan menjadikan dinar sebagai mata wang dalam perdagangan antarabangsa bukan bertujuan menggantikan mata wang mana-mana negara.

"Perdagangan antarabangsa memerlukan penentuan kadar tukaran wang negara dagangan. Dengan mata wang kertas tidak mempunyai nilai sebenar, ia akan menjadikan kadar tukaran tidak menentu dan tertakluk kepada manipulasi seperti yang berlaku ketika krisis kewangan Asia," katanya.

Beliau berucap merasmikan Persidangan Pasaran Modal Islam Antarabangsa dan Minggu Pasaran Modal Antarabangsa anjuran Suruhanjaya Sekuriti (SC) dan Institut Strategi dan Kepemimpinan Asia (Asli) di Dewan Persidangan SC, hari ini.

Pada majlis itu, Perdana Menteri turut melancarkan minggu Pasaran Modal Antarabangsa. Hadir sama ialah Pengerusi SC, Datuk Ali Abdul Kadir dan Presiden Asli, Mirzan Mahathir.

Dr Mahathir berkata, emas mempunyai nilai yang telah ditetapkan berdasarkan permintaan bagi logam itu. Nilainya mungkin turun naik secara minimum mengikut permintaan dunia, selain permintaan negara tertentu.

Oleh itu, dinar emas yang diperbuat daripada emas tulen akan mengikut harga emas, manakala harga emas tempatan pula akan menentukan kadar tukaran mata wang tempatan, berbanding dinar.

"Dinar boleh disimpan sebagai rizab bank pusat. Walaupun urusan niaga tidak seharusnya dibayar dengan dinar sebenar, import dan eksport barangan negara dagangan boleh diimbangi dan hanya perbezaannya dibayar dengan dinar.

"Harga barangan yang diimport menggunakan dinar boleh dikira dalam mata wang tempatan, begitu juga sebaliknya bagi barangan tempatan untuk dieksport. Dengan cara ini, lebihan dagangan atau defisit boleh dikredit atau didebitkan bagi eksport atau import masa depan," katanya.

Perdana Menteri berharap peserta persidangan itu bersama memikir dan membincangkan idea penggunaan dinar emas.

Sebelum ini, beliau pernah menyuarakan bahawa usaha bagi menjadikan dinar emas mata wang dunia bertujuan mengurangkan pergantungan kepada dolar Amerika dalam perdagangan antarabangsa.

Dr Mahathir juga bersetuju supaya dinar dijadikan mata wang sejagat untuk orang Islam agar ia dapat menyatukan negara Islam terutama Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) melalui penggunaan satu mata wang.

Ketika ini kira-kira 80 peratus urusan perdagangan antarabangsa Malaysia dikendalikan dalam dolar Amerika, malah minyak diniagakan secara eksklusif menggunakan mata wang itu.

Sementara itu, Penasihat Khas Ekonomi Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, berkata penggunaan dinar akan hanya dilaksanakan dalam konteks perjanjian perdagangan dua hala atau pelbagai hala.

"Dinar digunakan bagi menyelesaikan nilai baki bersih dagangan untuk jangka pendek antara tiga hingga enam bulan. Menerusi penggunaan dinar, kita hanya membayar jumlah baki bersih dagangan, bukannya berasaskan nilai kasar," katanya.

(END)